

**PEMAKAIAN MATLAMAT KEAMANAN, KEADILAN DAN
INSTITUSI YANG KUAT DALAM PENTADBIRAN ZAKAT DI
KEDAH: ANALISIS MENERUSI MATLAMAT PEMBANGUNAN
LESTARI 2030**

*The Adaptation Of Peace, Justice And Strong Institution In The Administration
Of Zakat In Kedah : Analysis Via Sustainable Development Goals 2030*

**Muhammad Hafiz Badarulzaman^{1*}
Mohd Faisal Mustaffa²**

¹*Pensyarah dan Felo Bersekutu di Pusat Penyelidikan Perundangan dan Keadilan, Pusat Pengajian Undang-Undang, UUM College of Law, Government and International Studies (COLGIS), Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah, Malaysia dan Corresponding Author dan boleh dihubungi melalui

²Timbalan Ketua Pegawai Operasi, Kutipan dan Dakwah, Lembaga Zakat Negeri Kedah, Menara Zakat, Jalan Teluk Wan Jah, 05200 Alor Setar dan boleh dihubungi melalui ustfaisal@gmail.com.

*Corresponding author (Email: mdhafiz@uum.edu.my)

Diterima: 21 August 2019, Diproses: 10 October 2019, Diterbitkan: 1 March 2020

Abstrak: Matlamat Pembangunan Lestari 2030 diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 2015. Namun begitu, pelbagai institusi di Malaysia masih belum mengadaptasi matlamat ini. Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) telah mula mengadaptasi menerusi tujuh matlamat. Walau bagaimanapun, artikel ini mencadangkan agar Matlamat 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi Yang Kuat perlu diadaptasi oleh LZNK bagi mempertingkatkan metod kutipan dan agihan yang lebih efektif. Artikel ini merupakan kajian perundangan yang bersifat kualitatif dan menggunakan kaedah kajian sejarah dengan melihat asal usul Matlamat Pembangunan Lestari 2030 dan kajian perbandingan menerusi beberapa enakmen negeri. Analisis dapatan kajian menggunakan teknik deskriptif iaitu jadual. Artikel ini merumuskan bahawa LZNK boleh memanfaatkan sasaran dalam matlamat 16 dengan mencadangkan Jabatan Mufti Negeri Kedah agar memberikan tafsiran sewajarnya untuk asnaf al-Riqab mengikut keadaan semasa. Selain itu, akses yang setara untuk keadilan semua pihak dari sudut undang-undang meliputi pindaan enakmen bagi kesalahan dan hukuman berkaitan zakat perlu diperkenalkan. Pengiktirafan di peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa perlu dipelbagaikan bagi meyakinkan masyarakat akan ketelusan dan kebertanggungjawaban LZNK. Akses awam secara terbuka terhadap maklumat dan data zakat yang terkini kepada semua pihak perlu diberikan bagi menjamin kebebasan asasi untuk mendapatkan maklumat.

Kata Kunci: Matlamat Pembangunan Lestari, Undang-Undang, Pentadbiran Zakat Kedah

Abstract: *The Sustainable Development Goals 2030 was introduced by the United Nations (UN) since 2015. However, various institutions in Malaysia have yet to adapt these goals. The LZNK has begun adapting through seven goals. Nevertheless, this article suggests that Goal 16: Peace, Justice and Strong Institutions need to be adapted by the LZNK as to improve the effectiveness method of collection and distribution. This article is a legal study and qualitative in nature and it uses the method of historical approach by looking at the origin of the Sustainable Development Goals 2030 and comparative approach through several state enactments. The findings of the study were using the descriptive techniques through table. This article concludes that the LZNK can utilize the target in goal 16 by suggesting to the Jabatan Mufti Negeri Kedah as to provide the proper interpretation of al-Riqab asnaf according to the current situation. Apart from that, the equal access to justice of all parties from the legal point of view encompassing amendments to the enactment for offenses and punishments for zakat affairs should be introduced. The recognition at national or international levels should be diversified to convince the public on the transparency and accountability of the LZNK. Public access to the latest information and zakat data to all parties should be provided to ensure the fundamental freedoms of information.*

Keywords: *Sustainable Development Goals, Law, Administration of Zakat in Kedah*

PENDAHULUAN

Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals-SDGs*) ataupun MPL telah menjadi agenda global apabila PBB memperkenalkan 17 matlamat dengan 169 sasaran yang perlu dicapai oleh semua negara bangsa menjelang 2030. Agenda pembangunan lestari bukan perkara baharu kerana telah dilancarkan di peringkat global ketika Sidang Kemuncak Bumi (*United Nation Conference on Environment and Development*) di Rio de Janeiro pada tahun 1992. Selepas itu, Matlamat Pembangunan Millenium (*Millenium Development Goals*) dilancarkan pada tahun 2001 dan disusuli dengan Matlamat Pembangunan Lestari menjelang 2030 yang disepakati oleh 193 negara anggota PBB pada 25 September 2015 (Portal *United Nation*, 2019). Walaupun banyak inisiatif global telah dilancarkan, penerapan dan sambutan oleh kebanyakan negara masih terbatas.

Malaysia sangat komited untuk melaksanakan matlamat pembangunan lestari dalam enam dimensi utama iaitu manusia, planet, kemakmuran, keamanan, kerjasama dan jati diri (Shaharuddin Idrus, 2016). LZNK telah mengadaptasi tujuh matlamat seperti yang termaktub dalam Matlamat Pembangunan Lestari iaitu menamatkan kemiskinan dalam semua bentuk, sifar kelaparan, memastikan kehidupan yang sihat dan sejahtera, capaian kepada pendidikan yang berkualiti, pengembangan kerjaya dan pembangunan ekonomi, kelestarian bandar dan komuniti serta rakan strategik untuk pencapaian matlamat pembangunan (Hafizah Zainal, Zakaria Othman dan Faisal Mustaffa, 2019). Walau bagaimanapun, artikel ini akan membincangkan matlamat yang belum diadaptasi oleh LZNK iaitu matlamat keamanan, keadilan dan institusi yang kuat. Adaptasi matlamat ini turut mampu menjadi pemacu perubahan bagi memecahkan kelaziman agihan dan kutipan sedia ada serta mampu merealisasikan Matlamat Pembangunan Lestari di Malaysia dan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) tercapai.

Artikel ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian pertama berkaitan matlamat 16 : keamanan, keadilan dan institusi yang kuat. Seterusnya, artikel ini akan membincangkan metod kajian yang bersifat kualitatif perundangan dan yang ketiga ialah analisis dan perbincangan melalui pemakaian sasaran seperti termaktub dalam Matlamat Pembangunan Lestari 2030 berkaitan pentadbiran, kesalahan dan hukuman zakat di negeri Kedah.

MATLAMAT 16: KEAMANAN, KEADILAN DAN INSTITUSI YANG KUAT

Kebanyakan negara memberikan fokus utama dalam Matlamat Pembangunan Lestari 2030 kepada pembangunan perbandaran yang lestari seperti mana Forum Bandar Dunia Ke-9 (WUF) yang diadakan pada 7 hingga 13 Februari 2018 (Ahmad Ismail, 2018). Kelestarian turut melibatkan secara serentak matlamat kemakmuran ekonomi, kualiti alam sekitar dan keadilan sosial yang juga dikenali sebagai tiga dimensi (tiga teras utama dalam pembangunan lestari '*triple bottom line*') (Hasna, 2007). Stavins, Wagner & Wagner (2003) dan Elliott (2006) berpendapat kelestarian ialah idea berkenaan keadilan dan ekuiti. Manakala Sneddona, Howarth dan Norgaard (2006) turut menyatakan bahawa konsep pembangunan lestari secara relatifnya melibatkan tiga matlamat iaitu kehidupan masyarakat yang baik dan terurus, menghormati kekangan alam sekitar di sekeliling kita dan mencari keadilan di dunia ini.

Secara keseluruhannya berdasarkan pandangan-pandangan diberikan, keadilan sosial merupakan antara teras penting dalam konsep pembangunan lestari. Tanpa keamanan, kestabilan, hak asasi manusia dan tadbir urus yang berkesan, berdasarkan undang-undang, pembangunan yang lestari tidak mungkin dapat diwujudkan. Jenayah, eksploitasi dan penindasan yang berleluasa boleh berlaku apabila tiada kedaulatan undang-undang. Negara-negara di dunia harus mengambil langkah-langkah untuk melindungi pihak yang paling terkesan dengan risiko kerana apabila tiadanya keadilan maka akan memberi kesan terhadap pembangunan negara, menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan akan terus membarah untuk generasi seterusnya (Portal *United Nation Development Program*, 2019).

Matlamat 16 mempromosikan hak asasi manusia serta membina tadbir urus setiap institusi di peringkat global (Portal *United Nation Development Program*, 2019). Secara khususnya, Matlamat 16 bertujuan untuk mempromosikan masyarakat aman dan bersifat terbuka bagi pembangunan lestari, memastikan capaian kepada sistem keadilan untuk semua dan membina institusi-institusi berkesan, telus dan inklusif dalam setiap peringkat. Terdapat 12 sasaran dan 23 penanda dalam merealisasikan matlamat ini. Namun begitu hanya sasaran dan penanda terpilih sahaja yang akan dibincangkan dalam artikel ini.

METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini akan merujuk kepada peruntukan undang-undang utama yang terdapat di dalam enakmen negeri Kedah. Kajian di dalam artikel ini bersifat kualitatif yang tidak menggunakan teknik statistik kuantitatif (David Silverman, 2010). Ia juga menggunakan kaedah pendekatan kajian sejarah iaitu melihat asal usul sesebuah institusi itu ditubuhkan atau melihat bagaimana sesuatu peruntukan telah digubal. Kaedah pendekatan kajian perbandingan juga akan diguna pakai sepanjang penulisan artikel ini bagi mengkaji titik persamaan dan perbezaan antara dua situasi dalam sistem undang-undang yang sama (Anwarul Yaqin, 2007). Analisis perbandingan dalam artikel ini dibuat antara enakmen negeri di Kedah dan Sabah dengan menggunakan teknik deskriptif iaitu jadual dan rajah.

Artikel ini membuat andaian bahawa semua data yang diperolehi adalah dari sumber kajian yang benar.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Analisis deskriptif dibuat berdasarkan kepada Matlamat Pembangunan Lestari 2030 yang dibangunkan oleh PBB. Negeri Kedah telah dipilih sebagai sampel analisis bagi artikel ini memandangkan terdapat kajian menunjukkan bahawa LZNK telah mula mengadaptasi Matlamat Pembangunan Lestari 2030 (Hafizah Zainal, Zakaria Othman dan Faisal Mustaffa, 2019). Sebanyak empat sasaran yang akan dianalisis iaitu pertama, menamatkan penderaan, eksploitasi, penyeludupan dan semua bentuk keganasan serta penyeksaan kanak-kanak; kedua, mempromosi kedaulatan undang-undang di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta menjamin akses yang setara untuk keadilan semua pihak; ketiga, membina efektif, kebertanggungjawaban dan ketelusan institusi di setiap peringkat; dan keempat, memastikan akses awam kepada maklumat dan melindungi kebebasan asasi, selaras dengan undang-undang negara dan perjanjian antarabangsa

Sasaran 16.2: Menamatkan penderaan, eksploitasi, penyeludupan dan semua bentuk keganasan serta penyeksaan kanak-kanak.

Sememangnya sasaran ini berkait rapat kepada undang-undang jenayah. Namun kaitannya kepada LZNK ialah menerusi pesalah yang telah ditangkap dan sedang menjalani hukuman yang melibatkan jenayah biasa, berat mahupun narkotik di Pusat Koreksional ataupun di Pusat Pemulihan Akhlak yang kedua-dua pusat ini dikendalikan oleh Jabatan Penjara Malaysia (Portal Jabatan Penjara, 2019).

Terdapat juga pihak yang terlibat dengan najis dadah dan menjalani hukuman di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik Nasional (PUSPEN) yang kini dikenali sebagai Pusat Pemulihan dan Rawatan (CCRC) yang dikendalikan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) (Portal Agensi Anti Dadah Kebangsaan, 2019). Pesalah-pesalah ini majoritinya Muslim dan terpaksa menjalani hukuman melebihi tempoh sebulan bergantung kepada kesalahan mereka. Adakah pesalah-pesalah ini termasuk dalam golongan asnaf yang layak menerima zakat?

Menurut Fatwa Jenis Penerima Asnaf *al-Riqab* Negeri Selangor Dan Apa-Apa Yang Berkaitan Dengannya yang telah diwartakan pada 7 Jun 2012 telah memperincikan individu yang layak menerima zakat *al-Riqab* (Portal Jabatan Mufti Selangor, 2019). Ini termasuklah: individu yang terlibat dengan masalah sosial seperti terbelenggu dengan dadah (penagih dan bekas penagih); terbelenggu dengan masalah jenayah syariah (minum arak, zina, judi, khalwat, buang anak, mengandung luar nikah, mempersendakan al-Quran dan al-Hadis, sumbang mahram, persetubuhan haram, muncikari, menjual atau memberikan anak kepada orang bukan Islam, dan lain-lain yang berkaitan Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995); terbelenggu dengan amalan salah Islam (tidak solat, tidak puasa, buang anak, usaha ingin bunuh diri dan hidup bersama pelacur); terbelenggu dengan gaya hidup sonsang (pelacur, lesbian, maknyah, gay, gigolo, biseksual, pengkid, tomboy, bersekedudukan dengan orang bukan Islam); terbelenggu dengan kes juvana (gangster, jenayah melibatkan harta benda, kes rompak, pergaduhan yang melibatkan kecederaan, pecah rumah, kes rogol, jenayah yang melibatkan peralatan senjata yang merbahaya, ugutan yang melibatkan

keganasan); terbelenggu dengan penyakit kronik (penyakit HIV/Aids, kanser/barah, tibi, hepatitis dan lain-lain). Manakala individu yang terlibat dengan masalah akidah seperti terbelenggu dengan masalah syirik dan khurafat (doktrin palsu, mengaku menjadi nabi, menghina Islam, pemujaan salah, mempersenda al-Quran dan al-Hadis), dan; memurnikan akidah orang Islam yang terpesong (orang yang ingin/berhasrat murtad dan orang yang dalam proses *Istitabah*)

Lembaga Zakat Selangor telah berpegang kepada fatwa yang telah diwartakan dan agihan telah diberikan kepada pesalah-pesalah jenayah ini kerana terdapat tafsiran bahawa golongan tersebut layak menerima zakat di bawah asnaf *al-Riqab* (hamba yang terbelenggu). Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah mengharuskan penggunaan wang zakat untuk membantu asnaf *al-Riqab* yang terbelenggu dengan masalah sosial dan akidah atas dasar kemaslahatan umat Islam pada masa kini. Sungguhpun begitu, takrifan *al-Riqab* berdasarkan kepada pengertian yang dimuatkan dalam portal rasmi LZNK bermaksud hamba atau seseorang yang terbelenggu dan tiada kebebasan diri termasuklah juga untuk melepaskan muslim yang ditawan oleh orang-orang kafir (Portal Rasmi Zakat Kedah, 2019). Takrifan ini masih sama dengan takrifan yang diberikan dalam portal mana-mana institusi zakat negeri, namun agihan tidak diberikan kepada mereka yang berada dalam takrifan ini di negeri Kedah seperti mana jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Jumlah Agihan berdasarkan jenis asnaf *al-Riqab* di Kedah

Jenis Asnaf	Tahun					
	2011	2012	2013	2014	2015	2016
<i>al-Riqab</i>	-	-	-	-	-	-

Justeru, sudah sampai masanya LZNK memohon supaya Jabatan Mufti Negeri Kedah bagi menilai dan memberikan tafsiran sewajarnya untuk asnaf *al-Riqab* mengikut keadaan semasa melalui pewartaan fatwa walau pun LZNK sudah mula menggerak langkah dalam memberikan agihan ini¹. Ini kerana fatwa merupakan sebahagian daripada sumber perundangan syariah dan memberi kesan dari sudut penguatkuasaan undang-undang. Tafsiran ini juga penting bagi membantu Muslim yang telah ditangkap dan dibelenggu dengan hukuman akibat aktiviti jenayah seperti penderaan, eksploitasi, penyeludupan dan semua bentuk keganasan serta penyeksaan kanak-kanak. Agihan ini juga dapat membantu mereka untuk mendapatkan sinar baharu dalam kehidupan dan menamatkan segala bentuk diskriminasi dan penderaan mental terhadap diri mereka yang kadang kala dilakukan oleh segelintir masyarakat ketika terbelenggu dalam tahanan dan menjalani hukuman.

Sasaran 16.3 Mempromosi kedaulatan undang-undang di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta menjamin akses yang setara untuk keadilan semua pihak.

LZNK harus mempromosi kedaulatan undang-undang di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Undang-undang di negeri Kedah merujuk kepada set perundangan yang dibentangkan, dibahaskan, digazetkan dan diwartakan di Sidang Dewan Undangan Negeri sebagai enakmen. Set perundangan yang berkaitan hal ehwal pentadbiran zakat di negeri ini ialah Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015. Manakala set perundangan

¹ Makluman oleh En. Hamidi Mohd Nor, Ketua Jabatan Agihan Lembaga Zakat Negeri Kedah ketika Kedah International Zakat Conference 2019 (KEIZAC 2019) pada 5 Ogos 2019 di Menara Zakat, Alor Setar, Kedah.

berkaitan kesalahan dan hukuman zakat negeri ini dapat dirujuk menerusi Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Kedah) 2014.

Sungguhpun begitu, Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015 tidak memperuntukkan sebarang kesalahan dan hukuman seperti mana Enakmen Zakat dan Fitrah (Sabah) 1993 yang mempunyai peruntukan berkaitan kesalahan dan hukuman zakat bermula dari seksyen 58 hingga seksyen 73. Kesalahan dan hukuman hanya dapat dilihat menerusi Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Kedah) 2014. Hanya satu peruntukan undang-undang berkaitan kesalahan dan hukuman zakat dalam enakmen tersebut iaitu seksyen 15 (2) berkaitan menghasut supaya mengabaikan kewajipan agama untuk tidak membayar zakat yang boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan tidak lebih setahun.

Peruntukan undang-undang yang terhad ini menunjukkan bahawa pendekatan yang diambil oleh LZNK ialah untuk mendidik dan bukan menghukum (Muhammad Hafiz Badarulzaman dan Siti Nabilah Sulaiman, 2019). Oleh yang demikian, peruntukan yang terhad dalam kesalahan dan hukuman berkaitan zakat di dalam sebarang enakmen di negeri Kedah seakan tidak menepati sasaran dalam Matlamat Pembangunan Lestari 2030. Sasaran 16.3 bertujuan untuk memastikan akses yang setara untuk keadilan semua pihak. Ketiadaan peruntukan bagi kesalahan mengutip dan mengagih tanpa kebenaran apatah lagi kesalahan tidak membayar zakat menunjukkan bahawa akses keadilan tidak diberikan kepada penerima zakat. Wang yang sepatutnya disalurkan kepada LZNK dan diterima oleh penerima zakat atau asnaf telah dinafikan oleh mereka yang menyalahguna dari sudut kutipan dan agihan mahupun gagal membayar zakat. Oleh itu, bagi memastikan akses yang setara untuk keadilan semua pihak secara efektif, peruntukan berkaitan kesalahan dan hukuman perlu dinyatakan di dalam sesuatu enakmen di negeri Kedah.

Sasaran 16.6 Membina efektif, kebertanggungjawaban dan ketelusan institusi di setiap peringkat

LZNK setelah dijenamakan semula daripada Jabatan Zakat Negeri Kedah telah menerapkan pelbagai konsep kebertanggungjawaban dan ketelusan. Hal ini dapat dilihat menerusi Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015. Antaranya isu berkaitan ketelusan dari sudut penerimaan wang. Menerusi seksyen 34, peruntukan tersebut menyatakan bahawa apa sahaja wang yang diterima oleh LZNK haruslah mengikut tatacara kewangan LZNK. Ini menunjukkan bahawa peruntukan tersebut selari dengan Sasaran 16.6 Matlamat Pembangunan Lestari 2030. Begitu juga halnya dalam seksyen 35 yang memperuntukkan bahawa laporan kewangan LZNK perlu diaudit oleh pihak berkuasa negeri dan Jabatan Audit Negara. Ini dapat dibuktikan apabila Jabatan Audit Negara telah memberikan penarafan sijil bersih 5 bintang kepada LZNK (Portal Lembaga Zakat Negeri Kedah, 2019). Hal demikian membuatkan masyarakat umumnya yakin akan ketelusan LZNK dalam mengagihkan zakat dan menguruskan wang zakat kepada asnaf. Sekiranya terdapat sebarang isu berkaitan kontrak pekerjaan dari sudut tatatertib, pihak LZNK akan memastikan bahawa mereka akan mewujudkan jawatankuasa tatatertib seperti yang termaktub dalam seksyen 36, 37, 38 dan 39 (Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015). Peruntukan ini menunjukkan ketelusan

oleh LZNK kerana para pekerja tidak terus dibuang tetapi akan dibicarakan secara dalaman terlebih dahulu.

Sasaran 16.10: Memastikan akses awam kepada maklumat dan melindungi kebebasan asasi, selaras dengan undang-undang negara dan perjanjian antarabangsa

Portal LZNK merupakan salah satu akses awam kepada maklumat berkaitan hal ehwal zakat di negeri Kedah. Pelbagai maklumat telah disiarkan antaranya berkaitan statistik agihan mengikut asnaf bagi tahun 2011-2016, statistik kutipan zakat mengikut jenis bagi tahun 2011-2016 (Portal Zakat Kedah, 2019) dan termasuklah maklumat berkaitan laporan tahunan LZNK. Maklumat-maklumat ini boleh diakses secara terbuka kepada semua pihak termasuklah asnaf, ahli akademik dan pelbagai pihak lagi sebagai satu kaedah bagi memastikan akses awam kepada maklumat dan menjamin kebebasan asasi untuk setiap rakyat Malaysia untuk mendapatkan maklumat. Sungguhpun begitu, akses yang diberikan ini tidak dikemaskini setiap masa menjadikan sasaran 16.10 tidak dapat dicapai secara menyeluruh dan efektif. Biar pun pihak LZNK sentiasa mengemaskini maklumat dan data menerusi platform media sosial yang lain, portal rasmi ini tidak boleh dibiarkan usang dengan maklumat-maklumat yang lapuk.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Secara kesimpulannya, Matlamat Pembangunan Lestari 2030 yang diperkenalkan oleh PBB telah diadaptasi oleh LZNK menerusi tujuh matlamat. Walaupun begitu, artikel ini mencadangkan agar Matlamat 16 : Keamanan, Keadilan dan Institusi Yang Kuat perlu diadaptasi oleh LZNK sebagai usaha untuk menjadi pemacu perubahan bagi memecahkan kelaziman agihan dan kutipan sedia ada.

Beberapa cadangan telah digariskan menerusi artikel ini bagi menjayakan matlamat 16 tersebut iaitu LZNK boleh mencadangkan agar Jabatan Mufti Negeri Kedah menilai dan memberikan tafsiran sewajarnya untuk asnaf *al-Riqab* mengikut keadaan semasa. Tafsiran ini penting bagi membantu Muslim yang telah ditangkap dan dibelenggu dengan hukuman akibat aktiviti jenayah seperti penderaan, eksploitasi, penyeludupan dan semua bentuk keganasan serta penyeksaan kanak-kanak seperti mana yang telah digunapakai oleh Lembaga Zakat Selangor bagi memenuhi sasaran 16.2. Selain itu, LZNK juga dicadangkan agar membawa pembaharuan dari sudut undang-undang dengan memperkenalkan kesalahan dan hukuman bagi kesalahan tidak membayar zakat mahupun mengutip dan mengagih tanpa kebenaran. Secara tidak langsung, cadangan ini dapat menepati sasaran 16.3 iaitu memastikan akses yang setara untuk keadilan semua pihak khususnya asnaf bagi mendapatkan haknya selaku penerima zakat.

Di samping itu, LZNK juga dicadangkan agar berusaha untuk mendapatkan beberapa pengiktirafan dari sudut laporan berkanun mahupun laporan kewangan di peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa. Biar pun LZNK telah menerima pengiktirafan sijil bersih 5 bintang dari Jabatan Audit Negara, masyarakat perlu diyakinkan lagi akan ketelusan dan kebertanggungjawaban LZNK dalam mengagihkan dan menguruskan dana zakat sehingga mereka tidak ragu-ragu dalam membayar zakat dan memenuhi Sasaran 16.6 Matlamat Pembangunan Lestari 2030.

Akses awam secara terbuka terhadap maklumat-maklumat dan data-data zakat kepada semua pihak termasuklah asnaf, ahli akademik dan pelbagai pihak lain perlu diberikan bagi menjamin kebebasan asasi untuk mendapatkan maklumat bagi merealisasikan Sasaran 16.10. Maklumat yang diberikan akses awam secara terbuka perlu sentiasa dikemaskini oleh LZNK agar data-data tidak usang dan lapuk. Sekiranya semua cadangan ini direalisasikan, tidak mustahil LZNK akan dijadikan sumber rujukan bukan sekadar institusi zakat di dalam negara bahkan termasuklah luar negara.

RUJUKAN

- Ahmad Ismail, 2018. *Pembangunan Bandar Lestari*, Utusan Malaysia, 9 Februari 2018
- Anwarul Yaqin. (2007) *Legal Research and Writing*, Kelana Jaya:Lexis Nexis
- David Silverman. (2010) *Doing Qualitative Research*, London:Sage Publication Ltd hal.8
- Direktori Cure & Care Rehabilitation Center (CCRC). Internet. Boleh diakses melalui: <https://www.adk.gov.my/direktori-ccrc/> pada 30 Jun 2019.
- Elliott, J. A. (Ed.), (2006). *An introduction to sustainable development*. Abingdon: Routledge.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Kedah) 2014
- Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015
- Enakmen Zakat dan Fitrah (Sabah) 1993
- Fatwa Jenis Penerima Asnaf *al-Riqab* Negeri Selangor Dan Apa-Apa Yang Berkaitan Internet. Boleh diakses melalui: http://www.muftiselangor.gov.my/en/general/fatwas/latest-fatwas/268-fatwa-jenis-penerima-asnaf-al-riqab-negeri-selangor-dan-apa-apa-yang-berkaitan-dengannya_pada_30_Jun_2019.
- Goal 16: Peace, Justice And Strong Institutions. Internet. Boleh diakses melalui: <http://www.my.undp.org/content/malaysia/en/home/sustainable-development-goals/goal-16-peace-justice-and-strong-institutions.html> pada 30 Jun 2019.
- Hafizah Zainal, Zakaria Othman dan Faisal Mustaffa. (2019). The Implementation of Sustainable Development Goals Model Through Initiative of Zakat Management in Kedah, *International Journal of Zakat And Islamic Philanthropy*, 1(1), 1-6.
- Hasna, A. M. (2007). Dimensions of sustainability. *Journal of Engineering for Sustainable Development: Energy, Environment, and Health*, 2, 47–57.
- Kedudukan Institusi Penjara Malaysia*. Internet. Boleh diakses melalui: <http://www.prison.gov.my/images/carta/peta-penjara-penjara.htm> pada 30 Jun 2019.
- Laporan Tahunan*. Internet. Boleh diakses melalui: <https://www.zakatkedah.com.my/laporan-tahunan/> pada 30 Jun 2019.
- Muhammad Hafiz Badarulzaman dan Siti Nabilah Sulaiman. (2019). Analisis Perbandingan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Di Negeri-Negeri Malaysia-Tinjauan Khusus Terhadap Kesalahan Dan Hukuman Berkaitan Zakat. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*. 31(1). 86-104.
- News on Millennium Development Goals*. Internet. Boleh diakses melalui: <https://www.un.org/millenniumgoals/> pada 30 Jun 2019.
- Pusat Pemulihan Akhlak*. Internet. Boleh diakses melalui: <http://www.prison.gov.my/images/carta/ppa.htm> pada 30 Jun 2019.
- Shaharuddin Idrus. (2016). *Malaysia komited laksana Agenda Global 2030*, Berita Harian. 13 Mac 2016.
- Sneddona, C., Howarthb, R., & Norgaard, R. (2006). Sustainable a Development in a Post-Brundtland World. *Journal of Development Economics*, 57, 253–268.

Stavins, R. N., Wagner, A.F., & Wagner, G, (2003). Interpreting sustainability in economic term: Dynamic efficiency plus intergenerational equity. *Economic Letters*, 79, 339–343.

Statistik Agihan. Internet. Boleh diakses melalui: <https://www.zakatkedah.com.my/statistik-agihan/> pada 30 Jun 2019.

Statistik Kutipan. Internet. Boleh diakses melalui: <https://www.zakatkedah.com.my/statistik-kutipan/> pada 30 Jun 2019.

92 *Penerima Zakat Dibanci Dalam Satu Majlis Di Kariah Masjid Cepir*. Internet. Boleh diakses melalui: <https://www.zakatkedah.com.my/92-penerima-zakat-dibanci-dalam-satu-majlis-di-kariah-masjid-cepir/> pada 30 Jun 2019.